

# MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

2 JAM 30 MINIT

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

## ARAHAN :

1. Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A, Bahagian B** dan **Bahagian C**.
3. Jawab **semua** soalan.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

NO. KAD PENGENALAN

ANGKA GILIRAN

NAMA : .....

TINGKATAN : .....

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

### Bahagian A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

[Masa yang dicadangkan: 45 minit]

#### Soalan 1: MORFOLOGI

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan tiga kata nama terbitan. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Pihak industri mempunyai pandangan yang berbeza dalam memberikan gambaran kecemerlangan kepada pelajar. Bagi mereka, jumlah gred A yang diperoleh dalam peperiksaan bukanlah keutamaan tetapi yang lebih penting ialah kemampuan individu yang terlibat memperbaiki kemahiran insaniah seperti berkomunikasi, kepemimpinan, menyelesaikan masalah, dan bekerja dalam kumpulan. Perbezaan persepsi antara ahli akademik dengan ahli industri berkaitan kecemerlangan itulah yang menyebabkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan semakin meningkat.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Gred A bukan Ukuran  
Buku Teks Tingkatan 5, Halaman 64  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

#### Soalan 2: SINTAKSIS

*Berdasarkan petikan di bawah, cerakinkan ayat-ayat yang bergaris kepada enam ayat tunggal yang gramatis.*

Penggunaan bahasa slanga yang meresapi kehidupan remaja kini tidak berupaya untuk dihalang  
tetapi seharusnya masyarakat pengguna bahasa perlu memastikan situasi ini tidak mengganggu-gugat  
usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, pihak penerbit perlu mengatur  
strategi bagi mengatasi masalah penggunaan bahasa slanga dalam bahan bacaan. Kesannya, pembaca  
hari ini lebih terdedah dengan bahasa yang baik dan seterusnya dapat melestarikan kesantunan dalam  
berbahasa.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Pengaruh Bahasa Slanga dalam Komik  
oleh Noor Azura Mahussin  
Dewan Bahasa, Bil. 4/2018

[6 markah]

### **Soalan 3: PENYUNTINGAN**

*Petikan di bawah mengandungi sebelas kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sebelas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Terdapat beberapa definisi yang boleh digunakan bagi menerangkan istilah gelandangan. Gelandangan atau tunawisma ialah gulungan yang tidak mempunyai tempat tinggal dan tidak mempunyai pekerjaan. Mereka beristirehat dan tidur di kaki lima, bawah jambatan dan pokok rendang pada sekitar kawasan bandar. Mereka terdiri daripada pelbagai-bagai latar belakang termasuk warga emas, penaghid dadah, penganggur, penyakit mental, dan orang yang bekerja tetapi tidak berumah. Malaysia tidak berkecuali berhadapan dengan masalah ini.

Kemajuan negara bukan menjadi pengukur untuk menilai kehidupan rakyatnya. Hampir semua negara di dunia berdepan dengan krisis sosio-ekonomi kerana terdapat peratusan besar rakyatnya yang terpaksa berjuang untuk mendapatkan hak mutlak kehidupan seperti air dan udara yang bersih, tempat tinggal serta makan minum. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam satu laporan pendedahan terdapat kira-kira 100 juta gelandangan di seluruh dunia.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Menyantuni Golongan Gelandangan  
oleh Samat Buang  
*Dewan Siswa, Bil. 8/2017*

[11 markah]

### **Soalan 4: BAHASA MELAYU STANDARD**

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya.

Maka Laksamana pun berkata, “Ceh, mati engkau olehku!”

Setelah Kertala Sari merasai luka itu, maka dihunusnya kerisnya pula mengusir Laksamana. Dua tiga langkah maka ia pun rebah terjerumus lalu mati.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

**Soalan 5: PERIBAHASA**

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan tiga situasi berbeza yang terdapat dalam petikan tersebut.*

Aku dan Husna bersahabat baik dan sangat rapat sejak kecil. Aku mempercayai Husna dan yakin bahawa dia dapat menyimpan rahsiaku. Namun begitu, telahanku telah tersilap. Husna telah menceritakan rahsia peribadiku kepada orang lain sedangkan sebelum ini dia pernah berjanji untuk menyimpan rahsia tersebut walau berlaku apa-apa sekalipun. Betullah kata orang tua-tua bahawa kita tidak boleh menyamakan orang lain seperti diri kita. Mungkin sekarang Husna sudah berubah. Sungguhpun begitu, tiada apa-apa yang boleh dibuat lagi. Semuanya sudah terlambat. Aku tidak mempercayainya lagi.

[6 markah]

**Bahagian B: PEMAHAMAN**

[35 markah]

[Masa yang dicadangkan: 60 minit]

**Soalan 6: PETIKAN UMUM**

*Baca Bahan 1, Bahan 2 dan Bahan 3 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Pada alaf ini, kita menyaksikan kemajuan teknologi maklumat yang pesat serta capaian Internet yang begitu meluas dan mencapah. Situasi ini membantu perkembangan sukan elektronik atau e-sukan sehingga mewujudkan revolusi satu bentuk sukan arus perdana. Kesan visual e-sukan amat menguja pemainnya dan jenis permainannya juga pelbagai. Kemampuan untuk bermain serentak secara maya dengan rakan merentas benua telah menggamit pemain untuk kekal melekat di bangku.

Industri e-sukan ini dipenuhi oleh individu yang mempunyai minat yang mendalam terhadap permainan video. E-sukan melahirkan pemain yang berdisiplin dan berbakat. Seperti sukan yang lain, peminat e-sukan sebahagian besarnya ialah anak muda yang beraspirasi untuk menjadi pemain yang hebat. Aspirasi ini pastinya mengarahkan individu tersebut memperuntukkan masa yang lama dalam kehidupan hariannya untuk berlatih permainan video dan seterusnya mungkin mengalami masalah psikologi iaitu ketagihan bermain permainan video. Lebih parah lagi, mereka tidak lagi menitikberatkan soal pemakanan, bahkan mengabaikan amalan tidur yang sihat.

Dipetik dan diubah suai daripada  
“E-sukan: Menyihatkan atau memudaratkan”  
oleh Zul Azlin Razali  
*Dewan Kosmik, Bil. 6/2019*

### Bahan 2

Bidang sukan mutakhir ini tidak lagi dianggap sekadar untuk suka-suka, sebaliknya menjadi antara agenda mega dalam belanjawan negara bagi *merangsang pertumbuhan ekonomi*. Negara maju khususnya, sentiasa berusaha untuk meletakkan temasya sukan sebagai industri yang berperanan bagi memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi, di samping menjana pendapatan dan membuka pulangan pelaburan kepada negara. Selain itu, perancangan pertumbuhan dalam bidang sukan secara komprehensif termasuk aktiviti mengkomersialkan produk atau perkhidmatan, menjadikan bidang sukan sebagai kerjaya untuk mewujudkan peluang pekerjaan.


Oleh sebab itu, tidak hairanlah temasya sukan bertaraf dunia, seperti Sukan Olimpik dan Piala Dunia, sentiasa menjadi rebutan negara maju untuk menjadi tuan rumah sehingga sanggup berhabis duit agar agenda mereka tercapai. Terpilih sebagai tuan rumah temasya sukan bertaraf antarabangsa menjanjikan pulangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara penganjur, manakala menuju rai sesuatu sukan bertaraf mega sudah tentu menjadi impian utama, sekali gus mampu meningkatkan imej negara terlibat.

Dipetik dan diubah suai daripada  
“Sukan Olimpik 2022: China Tuan Rumah dan Bakal Juara?”

oleh Junaidah Ahmad Ghazali

*Dewan Kosmik, Bil. 4/2020*

### Bahan 3



- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *merangsang pertumbuhan*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kebaikan sukan kepada masyarakat dan negara. [4 markah]
- (iii) Negara kita sedang menempuh arus globalisasi dan modenisasi sehingga mengalami pembangunan yang pesat sekali terutama dalam bidang teknologi. Sehubungan dengan itu, e-sukan mula mendapat tempat dalam kalangan remaja.  
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh diambil oleh semua pihak untuk mempopularkan e-sukan dalam kalangan remaja? [3 markah]
- (iv) Belakangan ini, rakan sekelas anda kerap tidak hadir ke sekolah kerana terlalu leka akan permainan dalam talian. Keadaan ini amat membimbangkan anda kerana rakan anda akan menduduki peperiksaan SPM pada tahun ini.  
Sebagai sahabat, bagaimanakah anda dapat membantu rakan anda untuk mengatasi masalah ketidakhadirannya ke sekolah? [4 markah]

### Soalan 7: PETIKAN SASTERA

Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### Bahan 1

<p><b>Syair Burung Botak Upeh</b></p> <p>Si burung botak upeh punya hikayat, Beribu tahun termaktub riwayat, Sejahtera kerana prihatinnya rakyat, Hidup harmoni sepanjang hayat.</p> <p>Di dalam pokok berbuat sarang, Pokok perepat bukan sebarang, Bebas terbang tiada malarang, Di kuala dan muara hatinya girang.</p> <p>Nasibnya kini sudah berubah, Si burung botak upeh tidak bertambah, Hutan bakau rakus dirambah, Sarang si upeh ke bumi menyembah.</p>	<p>Air muara terasa sembilu, Terbanglah upeh di angin lalu, Ke negeri damai seperti dahulu, Mengenang nasibmu terasa pilu.</p> <p>Dunia ini pinjaman hanya, Tiada apa kita yang punya, Kembalikan upeh ke tempat asalnya, Tugas siapa usah ditanya.</p> <p>Zuhaa Zayyan RPP, Port Dickson Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, KPM</p>
---	--

#### Bahan 2

<p>Aku memandang jaket yang kini terletak di atas katil. Aku hanya membayar USD100 kepada Shahmeem. Dia mengurangkan USD20 daripada harga pasaran gelap sebagai tanda terhutang budi.</p> <p>Aku tidak nampak praktikalnya jaket itu untuk kegunaan harian di Malaysia. Memakainya pasti akan membuat diri berasa panas dalam cuaca terik di tanah air. Jika keluar negara, jaket itu cuma sesuai dipakai pada musim sejuk.</p> <p>Menjaganya pasti memerlukan kerapian. Tidak boleh dibasuh. Tidak boleh dilipat sembarangan. Walaupun harganya mahal, jaket kulit bukannya sesuatu yang tahan lasak. Kainnya mudah carik dan jika koyak, tidak dapat dijahit dengan benang.</p> <p>Lebih penting lagi, seekor atau lebih daripada seekor kijang telah dibunuh untuk mendapatkan sehelai jaket kulit. Sebab itu, tidak ada jaket kulit yang murah. Harganya mahal disebabkan ada nyawa yang terpaksa dikorbankan.</p>	<p>Dipetik daripada cerpen ‘Jaket Kulit Kijang dari Istanbul’ oleh Maskiah Haji Masrom antologi <i>Jaket Kulit Kijang dari Istanbul</i></p>
--	---

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan *maksud* rangkap ketiga Syair Burung Botak Upah. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan bentuk kemasuhan yang dilakukan oleh manusia sehingga menjaskan populasi alam sekitar. [3 markah]
- (iii) Sejak akhir-akhir ini, hutan yang merupakan khazanah alam telah diteroka secara besar-besaran.  
Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan hutan diteroka? [3 markah]
- (iv) Anda telah dilantik sebagai Pengurus Kelab Pencinta Alam Sekitar di sekolah anda. Anda berhadapan dengan rakan-rakan yang tidak berminat untuk menyertai aktiviti kelab tersebut.  
Sebagai seorang ketua yang bertanggungjawab, apakah peranan yang boleh anda lakukan untuk menarik minat rakan-rakan anda menyertai aktiviti Kelab Pencinta Alam Sekitar di sekolah anda? [4 markah]

**Soalan 8: NOVEL**

- (i) *Baca petikan novel di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Suasana perkampungan Pasir Panjang lengang seperti baru dilanda geroda. Di pangkalan Pasir Panjang, Adnan bertanggungjawab mengetuai pasukannya menghadapi serangan pihak musuh. Persiapan telah mula dilakukan. Kubu-kubu dibina lengkap dengan senjata. Anggota tentera membuat rondaan kawalan di persekitaran perkampungan dengan dibantu oleh pasukan pengawal yang ditubuhkan penduduk kampung. Pengawal kampung turut dibekal senjata api bagi melindungi diri daripada serangan. Dalam masa yang singkat itu, mereka dilatih cara-cara menggunakan senjata api dan beberapa taktik peperangan untuk memudahkan pergerakan mereka nanti. Adnan tersenyum bangga. Rupa-rupanya, banyak penduduk tempatan sanggup menggadai nyawa demi mempertahankan tanah air. Semangat mereka jelas kelihatan walaupun hanya berbekalkan sebilah parang.

Dipetik daripada  
Novel *Leftenant Adnan Wira Bangsa*,  
karya Abdul Latip bin Talib  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan persediaan-persediaan yang dilakukan oleh tentera dan penduduk kampung untuk menghadapi serangan pihak musuh. [4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) *Leftenant Adnan Wira Bangsa*, karya Abdul Latip Talib
- (b) *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Noor
- (c) *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin
- (d) *Pantai Kasih*, karya Azmah Nordin
- (e) *Songket Berbenang Emas*, karya Khairuddin Ayip
- (f) *Tirani*, karya Beb Sabariah
- (g) *Silir Daksina*, karya Nizar Parman
- (h) *Bimasakti Menari*, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang menunjukkan pengajaran kegigihan yang dapat dijadikan panduan hidup. [6 markah]

**Bahagian C: RUMUSAN**

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan: 45 minit]

**Soalan 9: RUMUSAN**

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan, kemudian buat **satu rumusan** yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

**Bahan 1 - Petikan**

Mengimbau sejarah, bahasa Melayu begitu pesat berkembang di Nusantara pada abad ke-15 dan ke-16. Tokoh-tokoh bahasa seperti Hamzah Fansuri, Raja Ali, Munsyi Abdullah merupakan pelopor bahasa Melayu yang berpengaruh dalam penghasilan karya ilmu yang bermutu. Namun begitu, bahasa ini menghadapi cabaran yang besar untuk terus berkembang maju. Cabaran utama bahasa Melayu pada masa ini ialah pengaruh media sosial mampu merencatkan proses pemartabatan bahasa Melayu. Kewujudan media sosial seperti *WhatsApp*, *Instagram*, *Facebook*, *Twitter* sedikit demi sedikit merencam bahasa Melayu. Di samping itu, ada dalam kalangan masyarakat lebih gemar mengajar anak berbahasa Inggeris di rumah semata-mata untuk membolehkan anak mereka menguasai bahasa Inggeris sejak kecil lagi. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan kanak-kanak tersebut lebih menguasai bahasa Inggeris dan menghadapi masalah untuk mempelajari bahasa Melayu apabila masuk ke sekolah rendah.

Selain itu, ada juga syarikat perniagaan yang memasang papan tanda iklan yang salah susunan ayat dan ejaannya tanpa merujuk Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Papan tanda bercampur aduk bahasanya tidak mencerminkan bahasa Melayu itu sebagai bahasa rasmi yang digunakan di negara ini. Bagi menghadapi cabaran bahasa Melayu pada 10 tahun akan datang, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dirangka oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Beberapa langkah yang telah digariskan oleh KPM untuk memartabatkan bahasa Melayu demi kelangsungan bahasa Melayu tersebut adalah dengan memperkuuh penggunaan bahasa Melayu standard dalam semua urusan terutama dalam urusan rasmi dan media. Sejajar dengan dasar pemartabatan bahasa Melayu, KPM juga mengambil langkah memperkasakan kurikulum bahasa Melayu. Transformasi kurikulum bahasa Melayu dilakukan di sekolah rendah dan menengah dengan memberikan fokus kepada penguasaan asas kemahiran berbahasa dalam kalangan murid.

Di samping itu, pihak KPM juga memperkuuh bahasa Melayu dalam kokurikulum melalui aktiviti yang dijalankan seperti debat, pidato, bahas, pertandingan drama, permainan sahibba, kuiz bahasa dan teater di sekolah dan universiti. Pihak KPM turut mengambil langkah dengan memperkasakan pentaksiran bahasa Melayu yang bersifat holistik dan seimbang, iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Jika strategi ini dilaksanakan dengan beberapa perubahan dari segi format pentaksiran adalah dirasakan bahasa Melayu mampu bertahan dalam tempoh 10 tahun akan datang. Begitu juga usaha yang dilakukan oleh KPM termasuklah dengan memperkasakan Kesusteraan Melayu. Tujuan utama langkah ini adalah untuk membolehkan murid memupuk nilai murni, menyemai sifat kemanusiaan serta memperkuuh jati diri bangsa. Dalam tempoh 10 tahun akan datang, penguasaan bahasa Melayu rakyat Malaysia mesti berada pada tahap cemerlang, baik dari

segi pertuturan mahupun penulisan. Slogan ‘Bahasa Jiwa Bangsa’ meresapi jiwa. Inilah citra bahasa Melayu yang kita impikan pada tahun 2030.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Citra Bahasa Melayu Menjelang 2030’  
oleh Wan Roslina Wan Ismail  
*Pelita Bahasa, Bil. 2/2021*

## Bahan 2 - Grafik

### PENCEMARAN BAHASA

- Dialek
- Bahasa Rojak

- Bahasa Pasar
- Bahasa Singkatan (SMS)

24 | Rabu 4 November 2009 SASTERA

SH PILIH B24A 4 (email)

Warna Kehidupan

## Bahasa Melayu dipinggirkan

Kebanyakan pihak berkuasa tempatan kurang berusaha mendaulatkannya




**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**